

Untuk Siaran Segera

Satu Penyelesaian digital di Stesen LUMIX

Panasonic Malaysia membuka stesen LUMIX di Plaza Low Yat

Kuala Lumpur, 18 Mei 2010 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd mengumumkan pembukaan stesen LUMIX ke-14 di Plaza Low Yat hari ini.

Projek Stesen Lumix dilancarkan oleh Panasonic Malaysia bagi menyediakan satu pusat penyelesaian untuk semua produk digital Panasonic untuk pengguna. Di stesen ini, pengguna boleh mendapatkan produk-produk seperti kamera Lumix, kamkoder, Viera, Blu-ray dan set teater rumah yang boleh dicuba dan dialami bersama.

Aksesori-aksesori pengimejan seperti digital kanta serupa, lensa kamera, bateri kamera, dan kad memori untuk membantu meningkatkan pengalaman fotografi mereka juga boleh diperolehi di stesen Lumix ini. Selain itu, stesen ini juga menyediakan kemudahan mencetak yang lengkap membolehkan pengunjung mencetak gambar kegemaran mereka dengan pantas.

“Pembukaan stesen Lumix di Messrs Amara Beta Sdn Bhd yang terletak di kawasan trafik yang tinggi bagi pengunjung membeli alatan IT di Plaza Low Yat sangat bersesuaian dan tepat pada masanya. Stesen ini akan menyediakan produk digital yang terkini dan menyediakan satu penyelesaian bagi semua pengguna-pengguna untuk memdapatkan alatan digital yang dicari.” kata Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

“Kami ingin menguatkan dan meningkatkan pasaran serta kehadiran kami dengan perkembangan Stesen Lumix ini.

Sehingga hari ini, Panasonic Malaysia telah melancarkan 13 Stesen Lumix di seluruh Negara, 10 di Semenanjung dan 3 di Sabah dan Sarawak. Dengan pembukaan stesen di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur Panasonic kini mempunyai 14 Stesen Lumix. Sasaran utama Panasonic adalah untuk membuka 50 cawangan pada 2011. Stesen Lumix pertama dibuka di Ipoh, Perak.

“Sasaran kami adalah untuk membuka Stesen Lumix di pasar raya yang terkenal dan kawasan yang mempunyai trafik yang tinggi di bandar-bandar utama diseluruh negara agar lebih banyak pengguna dapat menikmati penggunaan produk digital terbaru kami. Untuk menarik perhatian pelanggan ke Stesen Lumix kami, aktiviti-aktiviti seperti bengkel, tawaran dagangan eksklusif dan waranti lanjutan untuk produk dibeli akan dilangsungkan. Dengan pendekatan ini, kami berharap untuk lebih dekat dengan pengguna”. tambah Jeff Lee lagi.

Di Semenanjung Malaysia, Stesen Lumix telah bertapak di Ipoh, Pulau Pinang, Kedah, Kota Bharu, Kuantan, Klang, Kuala Lumpur, Melaka dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Di Sabah dan Sarawak pula, Stesen Lumix terletak di Kota Kinabalu, Kuching dan Sibiu.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan,
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Alex Chong
Pengurus Produk, Pengimejan Digital Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7658 Fax: 03-7955 2848 Mobil : 019 280 8924
Emel: alex.chong@my.panasonic.com

###